

'Najib tandatangan dokumen pinjaman AS\$975 juta'

KUALA LUMPUR: Pegawai penyiasat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 'mengaku' beliau tidak merujuk beberapa dokumen berkaitan pinjaman AS\$975 juta dari sebuah bank di luar negara kepada bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak.

Penguasa Kanan SPRM, Nur Aida Arifin bagaimanapun berkata, walaupun tidak pernah merujuk dokumen-dokumen terbabit, beliau tahu Najib menandatangani dokumen tersebut berdasarkan soal siasat terhadap bekas Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) 1Malaysia Development Berhad (1MDB), Mohd. Hazem Abd. Rahman.

Dokumen-dokumen yang dinyatakan antaranya membabit-

kan Resolusi Pemegang Saham Keutamaan dan Resolusi Ahli.

Saksi pendakwaan ke-49 itu sebelum ini bersetuju dengan cadangan peguam bela Wan Azwan Aiman Wan Fakhruddin yang mewakili Najib bahawa dokumen-dokumen itu penting dalam kes pendakwaan.

Beliau juga bersetuju terdapat perbezaan antara tanda tangan Najib dengan tanda tangan didakwa milik Najib dalam dokumen-dokumen terbabit.

Nur Aida berkata demikian ketika menjawab soalan balas Wan Azwan Aiman di Mahkamah Tinggi di sini semalam dengan merujuk kepada pertuduhan keempat Najib.

Pendakwaan yang dikenda-

likan Timbalan Pendakwa Raya, Ahmad Akram Gharib bagaimanapun mengemukakan bantahan atas alasan Nur Aida bukan pakar untuk membuat analisis tersebut.

Pertuduhan keempat itu menyatakan Najib telah menggunakan kedudukannya sebagai Perdana Menteri, Menteri Kewangan dan Pengerusi Lembaga Penasihat 1MDB untuk mendapatkan suapan berjumlah RM44,570,920.70 dengan meluluskan tindakan 1MDB Energy Holdings Limited mendapatkan pinjaman melalui Kemudahan Pinjaman Berjangka sehingga AS\$975 juta daripada Deutsche Bank AG untuk tujuan IPO Kumpulan Tenaga 1MDB yang mana beliau mempunyai kepentingan langsung.

Pada perbicaraan sebelum ini, Mohd. Hazem memberitahu, beliau hanya mengetahui mengenai pinjaman tambahan daripada Deutsche Bank AG, Singapura apabila menerima e-mel daripada ahli perniagaan dalam buruan, Low Taek Jho atau Jho Low.

E-mel tersebut turut melampirkan dokumen kelulusan yang diberikan oleh Najib selaku Menteri Kewangan Diperbadankan iaitu dokumen bertajuk *Minutes by Representative of Holding Company Relating to Proceedings of Subsidiary Company Pursuant To Section 147(6) Of the Companies Act 1965, serta Special Rights Redeemable Preference Shareholder's Resolution In Writing.*

Pinjaman oleh anak syarikat

1MDB sebanyak AS\$975 juta adalah bagi membeli semula saham 1MDB dalam Aabar Investment PJS pada 2014.

Terdahulu, Nur Aida tidak bersetuju dengan cadangan Wan Azwan Aiman bahawa Hazem dan bekas Ketua Pegawai Kewangan 1MDB, Azmi Tahir telah bersengkongkol untuk menipu Najib dan rakyat Malaysia.

Beliau juga tidak bersetuju Hazem dan Azmi telah bertindak mengumpul dana bagi pelaburan di Brazen Sky Limited bagi mengaburi Najib dan orang awam bahawa pelaburan terbabit boleh ditebus semula.

Perbicaraan di hadapan Hakim Datuk Collin Lawrence Sequerah bersambung Isnin ini.